

Headline	KLHC berpeluh sebelum atasi TNB pada aksi Piala TNB		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	267 cm ²	Journalist	MUHAMMAD
PR Value	RM 20,867		



KLHC 'berpeluh' sebelum atasi TNB pada aksi Piala TNB

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
BADLISHAH

PELUANG Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) melangkah ke pentas final Piala TNB masih belum terjamin walaupun menang 1-0 ke atas Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada separuh akhir pertama di Stadium Tun Razak, Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.

Ketua pasukan KLHC, Mohamad Sukri Abdul Mutalib menegaskan, kelebihan satu gol dalam permainan hoki moden bukan satu kelebihan selesa untuk dibawa ke aksi timbal balik esok.

"Kami tidak bermain baik hari ini (semalam). Beberapa pergerakan tidak lancar seperti kebiasaan perlawanan-perlawanan kami sebelum ini.

"TNB sentiasa memberikan tentangan sengit kepada kami. Mereka mempunyai pemain berkualiti dengan semangat berpasukan yang kuat.

"Berjaya mendahului 1-0 adalah satu keputusan positif tetapi satu gol belum melegakan kerana dalam hoki, apa sahaja boleh berlaku," katanya selepas tamat perlawanan semalam.

Penyerang KLHC, Mohd. Syamim Mohd. Yusof muncul wira pasukan apabila meledak gol kemenangan menerusi jaringan padang ketika perlawanan berbaki 15 saat lagi untuk tamat.

Ia merupakan kemenangan pertama KLHC ke atas TNB dalam tiga pertemuan dengan yang terdahulu seri 2-2 dan 0-0 pada dua perlawanan Divisyen Premier Liga Hoki

Malaysia (MHL) baru-baru ini.

Sementara itu, ketua jurulatih TNB, Muhamad Amin Rahim mengakui anak-anak buahnya tidak bernasib baik selepas tewas oleh jaringan lewat permainan meskipun beraksi cemerlang sepanjang perlawanan tersebut.

"Kami memiliki lima pukulan sudut penalti dan beberapa peluang untuk menjaringkan gol tetapi malangnya kami gagal mencari penyudah terakhir.

"Bagaimanapun, saya berbangga kerana para pemain beraksi cemerlang. Saya harap momentum itu dapat dikekalkan untuk separuh akhir kedua pada Jumaat ini (esok)," jelasnya.



PEMAIN KLHC, Mohd. Syamim Mohd. Yusof (kanan) berjaya menjaringkan gol bagi pasukannya ketika aksi menentang TNB pada perlawanan separuh akhir Piala TNB di Stadium Tun Razak, Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.